

# 112,000 terima manfaat Perubatan Madani

**IPOH:** Seramai 112,887 isi rumah dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah atau B40 menerima manfaat di bawah program Skim Perubatan Madani sejak diperkenalkan Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, dalam tempoh tiga bulan itu, sebanyak 181,460 rawatan pesakit luar telah diberikan kepada kumpulan sasar melalui perkhidmatan di 1,587 klinik swasta yang berdaftar melalui skim berkenaan.

Katanya, Skim Perubatan Madani adalah inisiatif baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada ucapan Belanjawan 2023.

"Skim yang diperkenalkan pada 15 Jun lalu itu dilaksanakan untuk membantu golongan B40 mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan primer akut di klinik swasta berhampiran kediaman mereka.

"Skim ini dimulakan dengan projek rintis di 10 kawasan yang dikenal pasti mempunyai hospital yang mengalami kesesakan sebelum perkhidmatan sama diperluaskan kawasan sasarannya ke seluruh negara pada 15 September lalu," katanya pada Majlis Pelancaran Skim Perubatan Madani dan Program Madani Afiat Peringkat Kebangsaan 2023 di Meru Raya, semalam.

Program tersebut disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan turut



**ANWAR Ibrahim (tengah) menyantuni orang ramai yang hadir pada Pelancaran Skim Perubatan Madani dan Program Madani Afiat Peringkat Kebangsaan 2023 di Ipoh, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA**

dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan.

Menurut Dr. Zaiiha, perkhidmatan yang ditawarkan menerusi skim itu adalah komprehensif meliputi konsultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan.

"Kerajaan menampung sepenuhnya kos rawatan di klinik swasta ini dan pastinya

Ia mengukuhkan jaringan perlindungan kesihatan dan membantu meringankan beban kewangan rakyat," katanya.

Dalam pada itu beliau berka-

ta, Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa berusaha menambahkan skim tersebut dengan mengambil kira input dan cadangan pelbagai pihak agar ia memenuhi keperluan kesihatan rakyat dan pengamal perubatan.

Katanya, antara penambahan yang dilaksanakan termasuk penambahan jenis ubat-ubatan yang boleh dipreskripsi dan kenaikan kadar kos pembiayaan kepada klinik swasta merangkumi kos prosedur dan juga X-ray.

"Di samping itu, KKM juga akan menilai semula penambahan skop perkhidmatan dari semasa ke semasa seperti pergi-

gian yang boleh dimasukkan ke dalam skim tersebut.

"Malah, dalam usaha digitalan perkhidmatan kesihatan, ProtectHealth telah membangunkan aplikasi untuk memudahkan urusan pesakit seperti semakan kelayakan, carian klinik, semakan bald manfaat di bawah skim ini dan pengesahan OTP ketika menerima rawatan di klinik," katanya.

Sementara itu, Zaliha memberitahu, program Madani Afiat sebelum ini telah pun dilaksanakan di beberapa negeri termasuk Selangor, Kedah, Terengganu dan Johor.